

18-20 JAN  
**2025**



**APPGM-SDG**  
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPUAN

# LAWATAN PEMETAAN ISU



Disediakan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat  
Pembangunan Lestari



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020



sejak tahun 2020

# SEPUTEH

# DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN SEPUTEH, YB PUAN TERESA KOK SUH SIM



## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

18 Jan - 20 Jan 2025  
(Sabtu - Isnin)

### HARI 1

1. Lawatan Tapak 1 & Temu bual bersama wakil penduduk Ladang Bukit Jalil
2. FGD 1: Pertubuhan Hindudharma Malaysia
3. Lawatan Tapak 2: Stesen LRT Muhibbah
4. Lawatan Tapak 3: SJK(T) Ladang Bukit Jalil

5. FGD 2: Persatuan Kebajikan Suriana Malaysia
6. FGD 3: Persatuan Penduduk PPR Pinggiran Bukit Jalil Fasa 1 dan Fasa 2

### HARI 2

7. FGD 4: Persatuan Penduduk PPR Kg. Muhibbah
8. FGD 5: Kongsi KL
9. Lawatan Tapak 4: Sg.Klang & Sg. Kerayong, Jln. Klang Lama
10. Lawatan Tapak 5: Kampung Hock Ann

### HARI 3

11. FGD 6: Penduduk Taman Desa
12. Lawatan Tapak 6: Cadangan Tapak Kebun Komuniti Taman Desa
13. FGD 7: Persatuan Penduduk PPR Raya Permai

## PASUKAN PENYELIDIK



**NURUL SYAZA MAZELAN**  
*(Ketua Penyelidik)*



**DR. TEO LEE KEN**



**PANIIRSELVAM  
JAYARAMAN**



**VICTORIA CHENG**

# LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 18-20 JAN 2025 (SABTU – ISNIN)



01

**16 Disember 2024**  
Mesyuarat Awal



02

**23 Disember 2024**  
Mesyuarat Pemprofilan



03

**18 Januari 2025**  
Lawatan Tapak 1 & temu bual bersama wakil penduduk Ladang Bukit Jalil



06

**18 Januari 2025**  
Lawatan Tapak 3: SJK(T) Ladang Bukit Jalil



05

**18 Januari 2025**  
Lawatan Tapak 2: Stesen LRT Muhibbah



04

**18 Januari 2025**  
FGD 1: Pertubuhan Hindudharma Malaysia



07

**18 Januari 2025**  
FGD 2: Persatuan Kebajikan Suriana Malaysia



08

**18 Januari 2025**  
FGD 3: Persatuan Penduduk PPR Pinggiran Bukit Jalil Fasa 1 dan Fasa 2



09

**19 Januari 2025**  
FGD 4: Persatuan Penduduk PPR Kg. Muhibbah



12

**19 Januari 2025**  
Lawatan Tapak 5: Kampung Hock Ann



11

**19 Januari 2025**  
Lawatan Tapak 4: Sungai Klang & Sungai Kerayong, Jalan Klang Lama



10

**19 Januari 2025**  
FGD 5: Kongsi KL



**13**  
20 Januari 2025  
FGD 6: Penduduk Taman Desa

**14**  
20 Januari 2025  
Lawatan Tapak 6: Cadangan Tapak  
Kebun Komuniti Taman Desa

**15**  
20 Januari 2025  
FGD 7: Persatuan Penduduk PPR Raya  
Permai



**16 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN**

Dr. Teo Lee Ken dan Nurul Syaza mewakili APPGM-SDG dalam mesyuarat awalan Parlimen Seputeh bersama YB Puan Teresa Kok Suh Sim. Mesyuarat dijalankan di Pusat Khidmat Parlimen Seputeh. Tarikh cadangan untuk lawatan tapak telah ditetapkan pada 18-20 Januari 2025.



**07 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN**

Nurul Syaza selaku Ketua Penyelidik untuk Parlimen Seputeh telah menjalankan sesi pemprofilan kawasan parlimen bersama pegawai khas di Pejabat Parlimen Seputeh. Selain itu, tentatif lawatan tapak Parlimen Seputeh yang dicadangkan pada 18-20 Januari turut dibincangkan untuk dimuktamadkan.



### LAWATAN TAPAK 1 & TEMU BUAL BERSAMA WAKIL PENDUDUK LADANG BUKIT JALIL

Lawatan tapak telah dijalankan ke Ladang Bukit Jalil oleh pasukan APPGM-SDG. Lawatan ini telah diketuai oleh En. Kathi dan En. Sivakumar yang merupakan wakil penduduk Ladang Bukit Jalil. Kawasan ini merupakan bekas ladang getah dan kawasan penempatan bagi 800 keluarga. Namun, pada hari ini, hanya 42 keluarga sahaja yang tinggal di situ kerana dihipit dengan pembangunan mega baru di sekitar penempatan mereka. Antara isu yang dibangkitkan adalah **(1)** penduduk tiada hak milik tanah menyebabkan kawasan penempatan semasa telah dizonkan kepada kawasan pembangunan baru; **(2)** penduduk tidak menerima pampasan yang sewajarnya sekiranya perlu dipindahkan; dan **(3)** kemudahan masyarakat sedia ada (kubur dan kuil) tidak dizonkan dalam pewartaan semasa dan berisiko untuk dipindahkan.



### FGD 1: PERTUBUHAN HINDUDHARMA MALAYSIA

Sesi FGD telah dijalankan di Kuil Dewi Sri Maha Mariamman bersama Pertubuhan Hindudharma Malaysia yang merangkumi 13 orang ahli yang aktif menjalankan banyak program sosioekonomi di Ladang Bukit Jalil. Isu yang berbangkit bagi komuniti India kawasan ini adalah: **(1)** kekurangan pusat aktiviti sosial – kebanyakan program yang dijalankan oleh Pertubuhan Hindudharma dijalankan di Kuil; **(2)** keciciran pendidikan kerana kurang pemantauan dan kurang perhatian kepada pendidikan; **(3)** gejala sosial seperti gangsterisme, penagihan dadah, melepak, dan kehamilan remaja; dan **(4)** kemiskinan yang dibelenggu disebabkan tiada ekosistem yang menyokong keperluan penduduk tempatan.



### LAWATAN TAPAK 2: STESEN LRT MUHIBBAH

Pasukan APPGM-SDG bersama YB Puan Teresa Kok telah melawat stesen LRT Muhibbah, serta diiringi oleh MPP Zon Seputeh, En. Alvin yang menunjukkan lokasi berpotensi untuk dijadikan kawasan rekreasi bagi penduduk sekitar PPR Kg Muhibbah yang kekurangan tempat rekreasi dan ruang aktiviti sosial. Pihak MPP telah mengusulkan cadangan ini kepada pihak Prasarana.

### LAWATAN TAPAK 3: SJK(T) LADANG BUKIT JALIL

Pasukan penyelidik seterusnya telah melawat SJK(T) Ladang Bukit Jalil; lokasi asal sekolah ini adalah terletak di Ladang Bukit Jalil dan telah dipindahkan ke Bukit OUG dengan pembangunan baru. YB Puan Teresa Kok telah membuat inisiatif pemberian sarapan percuma kepada 48 orang pelajar. Namun begitu, berdasarkan rekod harian, kurang dari 48 orang pelajar direkodkan tidak mengambil sarapan tersebut kerana tidak hadir ke sekolah terutamanya pada hari hujan.



### FGD 2: PERSATUAN KEBAJIKAN SURIANA MALAYSIA

Sesi FGD telah dijalankan di Taska Bright Beginnings, Blok G, PPR Kg. Muhibbah bersama Persatuan Kebajikan Suriana Malaysia. Persatuan ini menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak berumur antara 3 hingga 6 tahun secara percuma kepada penduduk PPR Kg. Muhibbah. Sesi dialog lebih berfokus kepada isu berkaitan pendidikan awal dan kebajikan kanak-kanak seperti: **(1)** kekurangan pusat jagaan kanak-kanak; dan **(2)** ruang yang terhad untuk penjagaan kanak-kanak.



### FGD 3: PERSATUAN PENDUDUK PPR PINGGIRAN BUKIT JALIL FASA 1 DAN FASA 2

Sesi FGD telah dijalankan di Rimba Café PPR Pinggiran Bukit Jalil bersama Persatuan Penduduk PPR Pinggiran Bukit Jalil Fasa 1 dan Fasa 2. Terdapat 12 blok di PPR Pinggiran Bukit Jalil Fasa 1 dan Fasa 2 yang merangkumi hampir 4,000 unit. Antara isu utama yang diutarakan adalah: **(1)** kekurangan infrastruktur di pusat penjaja seperti tiada akses jalan yang baik, tiada kemudahan tandas dan masalah perparitan; **(2)** tiada jalan utama menghubungkan kawasan perumahan PPR dengan stesen pengangkutan awam; dan **(3)** kekurangan pusat aktiviti sosial dan akses yang terhad kepada kemudahan komuniti sedia ada.



### FGD 4: PERSATUAN PENDUDUK PPR KG. MUHIBBAH

Sesi FGD telah dijalankan di Blok C, PPR Kg Muhibbah bersama Persatuan Penduduk PPR Kg. Muhibbah. PPR Kg. Muhibbah mula dihuni sejak tahun 2003. Terdapat 9 blok di PPR Kg Muhibbah yang didiami hampir 10,000 orang penduduk. Antara isu utama yang diutarakan adalah: **(1)** masalah sosial seperti kecurian kecil, pergaduhan, melepak dan penagihan dadah memberi ancaman keselamatan kepada penduduk; **(2)** kurang kerjasama antara penduduk menjadi cabaran dalam perhubungan silaturahim antara penduduk berbeza kaum; **(3)** kekurangan kemudahan infrastruktur sokongan seperti perkhidmatan bas sekolah terutamanya bagi pelajar SK dan SMK Bukit Jalil; **(4)** perkhidmatan internet yang kurang memuaskan apabila kelajuan internet agak rendah dan tidak stabil; **(5)** keperluan program pengurusan dan pemantapan kejiwaan bagi ahli persatuan penduduk serta program peningkatan kemahiran bagi golongan wanita; **(6)** kos sara hidup yang tinggi; **(7)** masalah anjing dan kucing liar; **(8)** keadaan infrastruktur yang lama menyebabkan pelbagai masalah bagi sistem perpaipan, pembentungan dan perparitan; dan **(9)** pembangunan berdensiti tinggi yang tidak kondusif terutamanya bagi masalah tempat letak kenderaan.





### FGD 5: KONGSI KL

Sesi FGD telah dijalankan bersama Kongsis KL; satu NGO yang aktif dalam menggiatkan program 'Klang River Festival' sejak tahun 2022 sehingga kini. NGO ini memberikan perhatian khusus dalam menambah baik persekitaran di sepanjang Sungai Klang terutamanya di Jalan Klang Lama. Antara isu utama yang diutarakan adalah: **(1)** kenaikan paras air yang tidak menentu menyebabkan risiko banjir; **(2)** terdapat potensi penambahbaikan laluan yang direka khas untuk pejalan kaki dan penunggang basikal di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Kerayong; **(3)** memerlukan kerjasama daripada pemegang taruh terutamanya JPS dan DBKL dalam usaha penambahbaikan persekitaran Sungai Klang; dan **(4)** pencemaran sungai disebabkan pembuangan sampah sarap dan sisa bahan binaan menyebabkan bau yang kurang menyenangkan.



### LAWATAN TAPAK 4: SUNGAI KLANG & SUNGAI KERAYONG, JALAN KLANG LAMA

Pasukan Kongsis KL telah membawa pasukan APPGM-SDG untuk menunjukkan kawasan sekitar Sungai Klang dan Sungai Kerayong yang berpotensi untuk dibangunkan menjadi ruang awam yang lebih selesa. Pembangunan ruang awam di persisir sungai ini dapat menambahbaik ketercapaian dan menjadikan elemen semulajadi (sungai) sebagai nilai tambahan kepada kehidupan komuniti setempat.



### LAWATAN TAPAK 5: KAMPUNG HOCK ANN

Pasukan APPGM-SDG telah melawat Kampung Hock Ann. Kampung ini merupakan sebuah perkampungan di tengah bandar yang asalnya diduduki oleh komuniti Cina. Namun begitu, pada masa kini kebanyakan penduduk asal kampung ini telah keluar dan menyewakan rumah mereka kepada warga asing. Keadaan semasa perkampungan ini dilihat kurang terurus.



### FGD 6: PENDUDUK TAMAN DESA

Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan sesi dialog bersama penduduk Taman Desa di Pusat Komuniti Taman Desa. Jumlah penduduk semasa Taman Desa adalah dalam lingkungan 50,000 orang. Kawasan Taman Desa ini mula dihuni lebih daripada 50 tahun yang lalu. Antara isu terdesak yang diutarakan penduduk adalah seperti: **(1)** pembangunan berlebihan yang tidak terkawal mengakibatkan kesesakan trafik, tekanan air semakin rendah, dan risiko tanah tidak stabil; **(2)** perancangan pembangunan yang tidak holistik menyebabkan masalah perparitan dan pengairan semasa; **(3)** idea perancangan tidak relevan dengan keperluan dan kesesuaian keadaan semasa; **(4)** masalah sosial seperti kes pengambilan dadah oleh orang luar di Pejabat Komuniti Persatuan Penduduk; **(5)** kedatangan migran / warga asing yang ramai yang mengganggu kesejahteraan penduduk; **(6)** kurang penyertaan belia dalam program; dan **(7)** cabaran digitalisasi bagi warga emas.



### LAWATAN TAPAK 6: CADANGAN TAPAK KEBUN KOMUNITI TAMAN DESA

Wakil penduduk Taman Desa menunjukkan tapak cadangan kebun komuniti Taman Desa yang berkeluasan lebih kurang 3.7 ekar. Tapak asal kebun komuniti ini hanya berkeluasan kurang dari 1 ekar. Penduduk Taman Desa sangat mengharapkan cadangan tapak baru tersebut mendapat kelulusan DBKL untuk penduduk meneruskan inisiatif kebun komuniti yang sangat aktif dijalankan sebelum ini.



### FGD 7: PERSATUAN PENDUDUK PPR RAYA PERMAI

Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan sesi dialog bersama Persatuan Penduduk PPR Raya Permai di Blok B, PPR Raya Permai. PPR Raya Permai merangkumi 4 blok (Blok A,B,C dan D) dengan 360 unit setiap blok. Anggaran jumlah penduduk PPR Raya Permai adalah lebih kurang 5,000 orang. Majoriti penduduk adalah berbangsa Melayu dan majoritinya berstatus B40. Antara isu utama diutarakan adalah: **(1)** kekurangan sukarelawan untuk memantau keselamatan bagi mengelak kejadian gangguan seksual dan kes kecurian; **(2)** kekurangan kemudahan infrastruktur sokongan seperti bekalan air di medan selera dan dewan, tempat letak kenderaan, bekalan elektrik di kawasan kebun, gelanggang bola jaring bagi wanita dan ruang terhad untuk aktiviti penjanaan pendapatan wanita (*cloud kitchen*); **(3)** keperluan kemudahan asas OKU seperti *ramp*, tempat letak kenderaan khas, dan ruang kecemasan; **(4)** isu kemiskinan dalam kalangan wanita B40 yang tidak mampu menyediakan peralatan sekolah anak-anak; **(5)** masalah kucing dan anjing liar yang mengganggu kesejahteraan penduduk; **(6)** keadaan infrastruktur yang lama memerlukan penyelenggaraan terutamanya taman permainan kanak-kanak dan gelanggang futsal; **(7)** masalah kereta tersadai kerana proses penarikan kereta tidak dapat dijalankan disebabkan faktor undang-undang dan keadaan jalan di PPR yang sempit bagi jengkaut masuk; dan **(8)** keperluan penambahbaikan infrastruktur jalan di dalam kawasan PPR.



**Penyelarasan  
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek  
Mikro SDGs**

**Pembangunan  
Kapasiti**

**Advokasi Dasar  
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar  
Peringkat Daerah**

**Pemeriksaan  
Belia**


**Akademi  
MySDG**


**Pusat MySDG untuk  
Rangkaian Sosial**


**Pusat MySDG untuk Alam  
Sekitar & Kemampuan**



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari  
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,  
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>

**MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN**